

**SKIM INSURANS KESEJAHTERAAN RAKYAT (SIKR) – Soalan Lazim****Maklumat Skim****1. Apakah itu Skim Insurans Kesejahteraan Rakyat (SIKR)?**

Skim Insurans Kesejahteraan Rakyat (SIKR) ialah skim takaful berkelompok dan patuh Syariah yang menyediakan manfaat sekaligus sekiranya berlaku kematian akibat sebab semula jadi atau akibat kemalangan, serta menyediakan manfaat sekaligus sekiranya anda mengalami Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (*Total Permanent Disability-TPD*) disebabkan sebarang sebab.

Skim ini adalah percuma dan ia ditawarkan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar dan miskin yang layak dan terpilih di bawah pangkalan data eKasih yang dikendalikan oleh Unit Penyelarasaran Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM).

Ia diuruskan secara eksklusif oleh Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN).

**2. Apakah konsep Shariah yang berkenaan?**

*Ta'awun:*

Persetujuan untuk saling membantu berdasarkan prinsip kesamarataan dan kesatuan yang melibatkan kepentingan dan manfaat bersama. Takaful adalah berdasarkan konsep *Ta'awun* seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang bermaksud suatu persetujuan yang berdasarkan kepada pertolongan bersama di mana peserta-peserta takaful bersetuju untuk menyumbang ke dalam suatu dana yang akan memberi manfaat kewangan yang akan dibayar kepada peserta-peserta takaful atau kepada waris mereka sekiranya berlaku perkara-perkara yang telah dipersetujui terlebih dahulu. Berdasarkan perkara di atas, sumbangan yang akan dimasukkan dan dikumpulkan ke dalam dana bersama iaitu Dana *Tabarru'* (dana yang dimiliki secara kolektif oleh peserta) adalah *Tabarru'at* (kebajikan) secara alami.

*Wakalah bi al-ujrah:*

Persetujuan di mana PruBSN dilantik untuk menguruskan perkhidmatan keseluruhan yang disediakan di bawah sijil anda. Kami akan mengambil sebahagian daripada sumbangan anda sebagai upah untuk perkhidmatan ini, yang mana termasuk caj berkaitan pengagihan.

**3. Berapakah tempoh perlindungan yang diberikan di bawah SIKR?**

SIKR menawarkan perlindungan kepada setiap Ahli yang Dilindungi untuk tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh sijil berkuatkuasa.

**4. Siapakah yang layak untuk menyertai SIKR?**

Penerima SIKR adalah KIR yang berdaftar dengan eKasih, yang layak dan terpilih oleh ICU JPM.

**5. Apakah perkara-perkara yang tidak dilindungi di bawah SIKR?**

Manfaat Kematian secara Semulajadi

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian secara Semulajadi sekiranya kematian adalah secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh bunuh diri semasa waras atau tidak waras.

Manfaat Kematian akibat Kemalangan

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian akibat Kemalangan sekiranya kematian Ahli yang Dilindungi adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

- (a) cubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri sama ada semasa waras atau tidak waras; atau
- (b) peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, rampasan kuasa, penglibatan secara langsung dalam rusuhan, mogok atau kekacauan awam; atau
- (c) penglibatan atau mengambil bahagian dalam aktiviti sukan professional, penyelaman skuba, sebarang jenis perlumbaan, penerbangan udara (termasuk penerjunan lelabah, geluncur angin, menaiki belon panas, pernerjunan payung terjun dan penerjunan udara) selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, di atas kapal terbang komersial berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi secara berjadual mengikut laluan biasa, atau sebarang aktiviti atau sukan merbahaya, melainkan pihak kami memberi persetujuan melalui endorsan khas; atau
- (d) kemabukan alkohol atau dadah; atau
- (e) cubaan melanggar sebarang undang-undang atau menentang penahanan; atau
- (f) mengambil dadah atau narkotik selain daripada yang ditetapkan oleh Doktor atau Pakar Perubatan yang berkelayakan; atau

- (g) kehamilan, kehamilan sekarang dan sebelumnya (dan komplikasi berkaitan), melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan dan apa juga pembedahan atau prosedur bukan pembedahan ke atas sistem peranakan wanita ketika pembedahan untuk kelahiran), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatal, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia, rawatan berkaitan ketaksuburan termasuk disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan.

**Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD)**

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh sekiranya hilang upaya kekal dan menyeluruh Ahli yang Dilindungi secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh:

- (a) membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri semasa waras atau tidak waras; atau
- (b) peperangan atau tindakan agresif, termasuk penaklukan, tindakan keganasan negara asing, musuh luar (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, rusuhan, campur tangan ketenteraan atau rampasan kuasa; atau
- (c) sebarang penglibatan dalam aktiviti sukan profesional, penyelaman skuba, sebarang jenis perlumbaan, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, di atas kapal terbang komersial berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi secara berjadual mengikut laluan biasa, atau sebarang aktiviti atau sukan merbahaya (termasuk penerjunan lelabah, geluncur angin, menaiki belon panas, penerjunan payung terjun dan penerjunan udara); atau
- (d) sebarang penyalahgunaan alkohol, narkotik, dadah atau stimulator dan sebarang komplikasi yang timbul akibat penyalahgunaan tersebut; atau
- (e) melakukan kesalahan jenayah atau percubaan untuk melakukan kesalahan jenayah; atau
- (f) sebarang Keadaan yang Sedia Ada.

**6. Apakah manfaat-manfaat yang ditawarkan di bawah SIKR?**

SIKR menawarkan pembayaran manfaat terhadap:

Manfaat	Jumlah yang Dilindungi (RM)
Manfaat Kematian Secara Semulajadi	10,500
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan	25,500
Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh	10,500

**7. Bagaimakah cara saya akan dimaklumkan yang saya layak mendapat perlindungan SIKR?**

Mereka yang layak untuk menerima perlindungan SIKR akan dimaklumkan melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) daripada PruBSN. Anda boleh menghubungi talian Khidmat Pelanggan kami dan sila berikan nama, nombor Kad Pengenalan dan nombor telefon anda untuk pengesahan kelayakan SIKR.

Maklumat lengkap mengenai SIKR berserta dokumen-dokumen lain boleh diperolehi di laman sesawang rasmi [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my)

**8. Sekiranya saya tidak terpilih, siapakah yang perlu saya hubungi?**

Pemilihan peserta SIKR adalah berdasarkan saringan pemilihan yang telah ditetapkan oleh ICU JPM. Anda boleh menghubungi ICU JPM dengan menulis emel ke [pertanyaan@icu.gov.my](mailto:pertanyaan@icu.gov.my) sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan.

**Sumbangan**

**9. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?**

SIKR ini ditawarkan secara percuma dengan sumbangan ditaja oleh Kerajaan Malaysia kepada Ketua Isi Rumah miskin tegar dan miskin yang layak dan berdaftar dengan eKasih. Tiada bayaran perlu dibuat sekiranya anda terpilih menyertai SIKR.

**Perkhidmatan Sijil**

**10. Bagaimakah cara untuk saya mengetahui dengan lebih lanjut tentang ciri-ciri dan faedah-faedah SIKR?**

Anda boleh merujuk kepada Keterangan Produk (PDS) dan dokumen lain di [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my), atau anda boleh menghubungi unit sokongan kami di 03-2775 7188 (Isnin hingga Jumaat, 8:30a.m. – 5:15p.m., kecuali cuti umum) atau e-mel ke [SIKR@prubsn.com.my](mailto:SIKR@prubsn.com.my).

**11. Siapakah yang boleh saya hubungi untuk perkhidmatan sijil dan pertanyaan sekiranya saya terpilih di bawah SIKR?**

Untuk bantuan dan pertanyaan berkaitan sijil anda, anda boleh menghubungi unit sokongan kami di 03-2775 7188 (Isnin hingga Jumaat, 8:30 pagi – 5:15 petang, kecuali cuti umum) atau e-mel kepada [SIKR@prubsn.com.my](mailto:SIKR@prubsn.com.my).

**Penamaan****12. Mengapakah penting untuk membuat penamaan?**

Membuat penamaan adalah penting untuk memastikan orang tersayang anda akan menerima manfaat sijil seperti yang anda kehendaki dan bagi membolehkan manfaat-manfaat sijil dibayar oleh PruBSN tanpa sebarang kelewatan. Tanpa penamaan, manfaat-manfaat sijil akan dibayar kepada wasi atau pentadbir anda yang sah atau pihak menuntut untuk mengagihkannya mengikut wasiat atau undang-undang yang terpakai berkaitan pentadbiran harta puasaka Ahli yang Dilindungi. Proses ini mungkin memerlukan jangka masa yang lebih lama.

Adalah amat penting untuk anda memaklumkan penama anda mengenai manfaat-manfaat sijil dan penamaan.

**13. Siapakah yang boleh saya namakan sebagai penama?**

Penama mestilah seorang individu. Penamaan nama organisasi atau pertubuhan tidak dibenarkan.

Adalah penting untuk anda melakukan penamaan kerana ini akan menyenangkan proses tuntutan.

**14. Bolehkah saya mempunyai lebih daripada satu penama?**

Ya. Anda boleh mempunyai lebih dari satu penama yang dilantik sebagai penama anda. Sila pastikan anda menyatakan peratusan yang ditetapkan untuk dibayar kepada setiap penama secara keseluruhan adalah 100% bagi kesemua penama jika anda memilih untuk mempunyai lebih daripada seorang penama. Sekiranya anda tidak berbuat demikian, PruBSN akan membayar penama secara bahagian yang sama.

**15. Bolehkah saya menamakan anak saya sebagai penama?**

Ya. Anda boleh menamakan sesiapa pun sebagai penama (-penama). Akan tetapi, anda dinasihatkan untuk menamakan penama (-penama) yang berumur lebih daripada 18 tahun, bagi memudahkan serta mempercepatkan proses pembayaran manfaat. Sekiranya penama (-penama) berumur di bawah 18 tahun atau yang diperakui oleh pengamal perubatan sebagai tidak siuman atau tidak cekap atau tidak berupaya, oleh sebab kelemahan minda atau badan, menguruskan dirinya dan harta dan hal ehwalnya semasa mengemukakan tuntutan, manfaat takaful akan dibayar kepada ibu bapa atau penama kepada yang tidak siuman/tidak cekap tersebut. Sekiranya tiada ibu bapa yang masih hidup bagi penama juvana atau yang tidak berkemampuan, manfaat takaful akan dibayar kepada pihak yang menuntut yang sewajarnya yang memenuhi syarat-syarat PruBSN di mana pihak yang menuntut akan menggunakan manfaat takaful untuk kebaikan penama, tertakluk kepada pelaksanaan aku janji oleh pihak yang menuntut bahawa manfaat takaful semata-mata untuk kebaikan penama. Anda harus ambil maklum bahawa proses pembayaran manfaat mungkin akan memerlukan perkhidmatan pemegang amanah serta menanggung kos guaman untuk mengagihkannya mengikut undang-undang pengagihan yang terpakai.

**16. Apakah pilihan jenis penamaan yang disediakan di bawah SIKR?**

Setiap Ahli yang Dilindungi mempunyai pilihan untuk menamakan *Wasi* (Pelaksana) atau Benefisiari di bawah *Hibah* Bersyarat:

(i) *Wasi* (Pelaksana):

- Penama bertindak sebagai pelaksana.
- Penama hendaklah **mentadbir pembahagian** wang manfaat mengikut Undang-Undang Islam Pusaka (*Faraid*) atau Akta Probet dan Pentadbiran 1959 [Akta 97] yang mana berkenaan.

(ii) Benefisiari di bawah *Hibah* Bersyarat\*:

- Manfaat akan dibayar terus kepada penama dalam bentuk *Hibah* (hadiyah).
- Penama yang dinamakan mempunyai hak sepenuhnya untuk menerima manfaat takaful.

\*bagi mempercepatkan serta memudahkan proses pembayaran manfaat kematian kepada pewaris, anda digalakkan untuk memilih Benefisiari di bawah Hibah Bersyarat. Hibah Bersyarat membenarkan pembayaran dibayar secara terus kepada penama tanpa sebarang kerumitan dan penama mempunyai hak sepenuhnya terhadap manfaat takaful yang dibayar.

**17. Sekiranya anak-anak saya masih kecil dan saya tidak mahu menamakan bekas suami/isteri saya sebagai penama untuk menerima manfaat takaful, sekiranya saya meninggal dunia di atas sebab-sebab yang tertentu, siapakah yang patut saya namakan?**

Anda boleh menamakan sesiapa pun sebagai penama (-penama). Berikut adalah contoh penama (-penama) yang dibenarkan untuk penamaan\*:

## (i) Suami atau isteri kepada Ahli yang Dilindungi;

- (ii) Anak kandung, anak angkat atau anak tiri kepada Ahli yang Dilindungi;
- (iii) Saudara–mara terdekat seperti abang, kakak, adik, pakcik, makcik, datuk, nenek, sepupu atau lain-lain samada mempunyai pertalian darah atau tidak;
- (iv) Sahabat handai atau orang yang boleh dipercayai oleh Ahli yang Dilindungi untuk menguruskan atau menerima manfaat takaful.

*\*Senarai cadangan di atas adalah tidak lengkap.*

**18. Bolehkah saya meletakkan penama saya yang bukan warganegara Malaysia?**

Ya. Anda boleh menamakan pewaris yang bukan warganegara Malaysia. Walaubagaimanapun, anda perlu memastikan pewaris mempunyai dokumen-dokumen yang lengkap dan sah bagi melancarkan proses pembayaran tuntutan.

**19. Bagaimakah saya boleh membuat penamaan?**

- (i) Anda boleh lawati cawangan PruBSN/Prudential; atau
- (ii) Anda boleh menghantar borang penamaan melalui email dan mengikuti langkah seperti di bawah:
  - a. Muat turun borang penamaan dari laman sesawang korporat PruBSN di [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my)
  - b. Isi butiran penama di dalam borang penamaan. Lihat video panduan mengisi borang penamaan dari laman sesawang korporat PruBSN di [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my). Sila pastikan anda faham perbezaan di antara menamakan seseorang individu sebagai *Wasi* (Pelaksana) atau sebagai Benefisiari di bawah *Hibah Bersyarat* (Hadiah). Tandakan kotak dengan sewajarnya.
  - c. Emelkan dokumen yang lengkap ke unit sokongan kami [SIKR@prubsn.com.my](mailto:SIKR@prubsn.com.my).
  - d. Anda akan diberitahu sebaik sahaja PruBSN telah memperbaharui penamaan anda.

**20. Perlukah saya memaklumkan kepada penama (-penama) saya selepas penamaan telah dibuat?**

Ya. Adalah amat penting untuk anda memaklumkan penama anda mengenai manfaat-manfaat sijil dan penamaan.

### Tuntutan

**21. Bagaimakah cara untuk saya/penama saya membuat tuntutan?**

- (i) Anda boleh lawati cawangan PrubSN/Prudential; atau
- (ii) Anda boleh memuat turun borang tuntutan dari laman sesawang korporat PruBSN di [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my) dan mengikuti langkah seperti di bawah:
  - a. Isi borang tuntutan anda serta sediakan dokumen sokongan yang diperlukan, seperti dinyatakan di Perkara 25.
  - b. Serahkan borang tuntutan anda berserta dokumen-dokumen sokongan yang telah lengkap ke:
    - Cawangan PruBSN/Prudential; atau
    - E-mel kepada [SIKR@prubsn.com.my](mailto:SIKR@prubsn.com.my):

**22. Kepada siapakah manfaat sijil SIKR saya akan dibayar sekiranya berlaku tuntutan?**

Setelah tuntutan manfaat telah diluluskan, manfaat sijil akan dibayar kepada anda (untuk tuntutan Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh) atau kepada penama anda atau pihak yang menuntut yang sewajarnya atau wasi yang sah/pentadbir anda (untuk tuntutan kematian).

**23. Bagaimana saya/penama saya boleh menyemak status tuntutan atau mendapatkan pencerahan berkenaan keputusan tuntutan?**

Anda/Penama anda boleh menyemak status tuntutan atau mendapatkan pencerahan lanjut dengan menghubungi:

- a. Wakil Khidmat Pelanggan PruBSN di 03 – 2775 7188 (Isrin hingga Jumaat, 8.30 pagi. - 5.15 petang., kecuali cuti umum); atau
- b. Hantar emel kepada [SIKR@prubsn.com.my](mailto:SIKR@prubsn.com.my); atau
- c. Lawati mana-mana cawangan PruBSN/Prudential.

**24. Berapa lamakah masa yang diperlukan untuk tuntutan diproses?**

Ia mengambil masa empat belas (14) hari untuk pembayaran tuntutan setelah menerima dokumen lengkap seperti yang diminta oleh PrubSN.

Tuntutan untuk manfaat dan semua dokumen dan maklumat berkaitan yang diperlukan oleh PrubSN mestilah dikemukakan dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh kejadian tuntutan.

Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh masa yang ditetapkan tidak akan membatalkan tuntutan sekiranya terdapat penjelasan munasabah menunjukkan notis tidak dapat diserahkan dan notis telah diberi seawal dan seupaya yang mungkin selepas tamat tempoh masa tersebut. Walaubagaimanapun, sila AMBIL PERHATIAN bahawa PrubSN tidak akan membayar sebarang tuntutan walaupun

berdokumen lengkap sekiranya tuntutan diserahkan kepada PruBSN selepas dua belas (12) bulan dari tarikh tamat perlindungan takaful Ahli Yang Dilindungi.

**25. Apakah dokumen-dokumen yang diperlukan semasa mengemukakan tuntutan?**

Dokumen(-dokumen) yang perlu diserahkan adalah berdasarkan kepada jenis tuntutan seperti yang disenaraikan di bawah:

Jenis dokumen	Jenis Tuntutan		
	Kematian secara Semulajadi	Kematian akibat Kemalangan	Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh
Sijil Kematian (Yang disahkan)	✓	✓	X
Salinan Kad Pengenalan Penuntut	✓	✓	X
Laporan Polis	X	✓	✓ (Kemalangan sahaja)
Borang tuntutan berserta butiran e-kredit	✓	✓	✓
Sijil Perawat Perubatan	✓	✓	X
Sijil Perubatan Sulit (TPD) – yang dilengkappan oleh doktor yang memberi rawatan terakhir	X	X	✓
Salinan asal surat penamatan pekerjaan/ Salinan surat discaj yang diperakui	X	X	✓

Nota:

- (i) Bagi sijil tanpa penamaan, dokumen tambahan diperlukan adalah:  
Salinan bukti hubungan yang diperakui (Sijil Perkahwinan atau Sijil Kelahiran) untuk semua penuntut.
- (ii) Laporan atau dokumen sokongan lain yang mungkin diperlukan untuk tuntutan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal:
  - Salinan surat pelepasan perubatan yang disahkan dan surat kelulusan pengeluaran PERKESO/KWSP (jika ada).
  - Lain-lain: Progres fisioterapi/pemulihan terkini, surat rujukan doktor, ujian darah, ujian air kencing, biopsi, MRI, Imbasan CT, ultrasound dan semua laporan siasatan (jika berkenaan).

### Penamatkan

**26. Dalam situasi apakah SIKR saya akan ditamatkan?**

Sijil anda akan ditamatkan secara automatik:

- (i) apabila meninggal dunia; atau
- (ii) selepas pembayaran penuh Jumlah yang Dilindungi bagi Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh; atau
- (iii) setelah menerima arahan bertulis daripada Pemegang Sijil Induk untuk menamatkan perlindungan takaful; atau
- (iv) pada tarikh tamat perlindungan takaful iaitu dua belas (12) bulan dari tarikh kuat kuasa sijil; mana-mana berlaku terlebih dahulu.